

Seminar Antarabangsa iMEC-APCOMS perkara bidang kejuruteraan pembuatan



Yogyakarta, 7 Disember- Seramai 86 peserta dalam dan luar negara hadir membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam bidang Sistem Pembuatan, Automasi Pembuatan, Bahan dan Proses Pembuatan sempena Seminar Antarabangsa iMEC-APCOMS 2017 bertemakan "*Taking The Factories To The Next Level*" yang berlangsung di Hotel Eastparc, Yogyakarta Indonesia. Seminar dianjurkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Fakulti Teknologi Industri, Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia.

Daripada jumlah tersebut seramai 30 orang adalah peserta daripada UMP yang terdiri daripada staf dan para pelajar. iMEC-APCOMS merupakan seminar anjuran bersama UMP dan ITB untuk kali kedua yang mana UMP telah menjadi tuan rumah dan telah dilaksanakan pada tahun 2015 di Kuala Lumpur.

Hadir merasmikan program Timbalan Rektor ITB, Profesor Bermawi Priyatna Iskandar. Turut sama hadir Pengerusi APCOMS, Dr. Mohammad Mi'radj Isnaini, Pengerusi Bersama APCOMS, Profesor Abdul Hakim Halim dan Profesor Dradjad Irianto . Manakala mewakili UMP, Pengerusi iMEC, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Razlan Yusoff dan Pengerusi Bersama iMEC, Dr. Muhammed Nafis Osman Zahid.



Menurut Profesor Bermawi Priyatna Iskandar, seminar antarabangsa anjuran bersama ITB-UMP ini dapat mengukuhkan jalinan dan hubungan antarabangsa di antara UMP dengan ITB yang terjalin melalui Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada tahun 2013. "Di samping itu juga seminar antarabangsa ini merupakan platform kepada para peserta untuk berinteraksi dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai penyelidikan terkini dalam bidang kejuruteraan pembuatan dan industri," katanya.

Pembentangan turut menampilkan Dr. Ir. Mesdin Simarmata dari Creative Economy Agency (BERKAF) Indonesia yang membentangkan kertas kerja berkaitan Evolusi Industri manakala Profesor Dr. Zahari Taha dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, UMP membentangkan kertas kerja berkaitan cabaran dan perspektif penyelidikan bagi Industri 4.0. Selain itu, Profesor Dr. Shih-Ming Wang, dari Chung Yuan Christian University, Taiwan pula membentangkan kertas kerja berkaitan dengan aplikasi Industri 4.0 bagi industri konvensional.



APCOMS-IMEC 2017 secara langsung telah menyediakan platform kepada para penyelidik, pelajar pasca siswazah serta pihak industri dalam bidang kejuruteraan pembuatan bersama-sama membentangkan hasil penyelidikan masing-masing. Dengan adanya platform ini, APCOMS-IMEC 2017 telah memulakan proses untuk mendapatkan penemuan baharu yang diharapkan hasil produk dan perkhidmatan untuk pasaran sama ada di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Malahan pengetahuan dan penemuan baharu ini juga tidak boleh dihasilkan tanpa sebarang aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C).

Disediakan oleh Zuryaty Zol dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan suntingan Bahagian komunikasi Korporat PNC

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 16-01-2018, 10:31:05